

# Buletin "MERAKYATKAN PERPUSTAKAAN" PPANS



ISSN : 2232 - 1454

BULETIN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

BIL 1/2016

## 2016 TAHUN BARU, AZAM BARU



Syukur Alhamdulillah kerana Allah SWT masih panjangkan usia kita dan dapat menikmati kehadiran tahun baru 2016. Lazimnya tahun baru menjadi penanda aras bagi kita untuk menetapkan sasaran dan matlamat yang hendak dicapai sepanjang tahun.

Tibanya tahun baru berbagai azam akan dibuat. Sudah tentunya setiap azam yang ingin dicapai ada cabaran yang perlu kita hadapi. Namun dengan usaha yang jitu, InsyaAllah kita pasti dapat mencapai apa yang kita harapkan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Hj. Mohamad bin Hj. Hasan dalam amanatnya di Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan pada 5 Januari 2016 yang lepas berkata tahun 2016 merupakan tahun bagi mencapai kecemerlangan. Untuk mencapai kecemerlangan memerlukan azam dan tekad yang tinggi dan untuk mencapai kecemerlangan juga memerlukan usaha berkumpulan dan semua pihak perlu memainkan peranan. Kejayaan tidak datang bergolek. Kita perlu fokus, kreatif dan berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai hasil yang kita inginkan.

Tahun 2015 telah ditinggalkan dengan berbagai kenangan pahit dan manis. Yang baik dijadikan kenangan dan yang buruk dijadikan sempadan dan pengajaran buat kita di masa hadapan. Kejayaan yang telah dicapai pada tahun-tahun lepas perlu diuruskan dengan baik, dikekalkan dan ditambah nilai kepada apa yang telah kita lakukan. Kegagalan atau kelemahan pula perlu dikaji dan diperbaiki bagi mencapai azam dan matlamat yang diinginkan.

YAB Menteri Besar meletakkan sasaran Negeri Sembilan menjadi negeri moden pada tahun 2045. Oleh itu bagi mencapai hasrat tersebut, kita sebagai rakyat Negeri Sembilan perlu mengamalkan budaya kerjasama sebagai satu rumpun dan tanamkan semangat bekerja sebagai satu pasukan. Sudah tentunya kita sebagai rakyat akan dapat menikmati hasilnya kelak. Tanamkan diri untuk menjadi yang lebih dari semalam. Kita berusaha, berdoa dan selebihnya bertawakal dan berserah kepada Allah SWT atas usaha yang telah dibuat.



Find us on  
Facebook

PERBADANAN PERPUSTAKAAN  
AWAM, NEGERI SEMBILAN



"BANGSA MEMBACA  
1 MALAYSIA BERJAYA"

MENAFARLAH MENJADI AHLI PPANS  
PENDAFTARAN ADALAH PERCUMA!

WWW.NSUBLIBRARY.GOV.MY



# PERUTUSAN TAHUN BARU 2016

## PENGARAH

### PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin-Nya saya diberi kesempatan untuk menyampaikan perutusan sempena dengan kedatangan tahun baru 2016. Kita telah pun meninggalkan tahun 2015 dengan pelbagai pahit dan manis dan kini melangkah masuk ke tahun baru dengan harapan dan iltizam untuk meningkatkan lagi tahap pencapaian kualiti perkhidmatan jabatan ini.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, program-program Galakan Membaca seperti Kempen Keahlian Percuma, Pendaftaran Keahlian Secara Mobil, Grup Sayangi Perpustakaan, Pinjaman Buku Berkelompok dan juga aktiviti-aktiviti keilmuan

diteruskan sepanjang tahun 2015. Ini adalah merupakan satu usaha pihak PPANS bagi menggalakkan budaya membaca dan menuntut ilmu tidak mengira umur, pangkat dan juga kaum. Perpustakaan kini begitu dekat dihati masyarakat khususnya di Negeri Sembilan hasil daripada komitmen yang jitu daripada seluruh warga kerja PPANS.

PPANS juga berasa sangat berbangga dengan pencapaian warga kerja PPANS dalam bidang sukan dan rekreasi. Antara pencapaian terbesar warga kerja PPANS adalah apabila mendapat pingat emas bagi acara sepak takraw dan juga pingat perak bagi acara bowling ketika menyertai Pesta Sukan Perpustakaan Awam Se-Malaysia (SPASM). PPANS juga menjadi Johan dalam perlawanan ping pong anjuran

Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan dan juga Johan bagi pertandingan hiasan kereta Konvoi Kembara Jalur Gemilang peringkat Negeri Sembilan 2015. Syabas Dan Tahniah Saya Ucapkan.

Kehadiran tahun baru 2016 membuka lembaran baru buat kita semua. Tanamkan azam dan sematkan di hati kita untuk meningkatkan kecemerlangan dan berusaha untuk menjadi yang terbaik di kalangan yang terbaik. Jadikanlah membaca itu sebagai satu budaya hidup sama ada kepada diri sendiri, ahli keluarga dan masyarakat di sekeliling kita. Sahabat Nabi, Abdullah bin Al-Amri berkata: "Tidak Ada Sesuatu Yang Lebih Bermanfaat Dari Buku". Mudah-mudahan masyarakat Malaysia khususnya di Negeri Sembilan mampu melakukan transformasi diri ke arah yang lebih baik.

#### BANGSA MEMBACA, 1 MALAYSIA BERJAYA

Jamilah @ Chumila binti Haji Katis

Pengarah

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan



## SIDANG PENGARANG BULETIN

### PENAUNG

YB. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
Merangkap Pengurus  
Perbadanan Perpustakaan Awam  
Negeri Sembilan Darul Khusus

### PENASIHAT

Jamilah @ Chumila binti Haji Katis  
Pengarah  
Perbadanan Perpustakaan Awam  
Negeri Sembilan Darul Khusus

### KETUA PENGARANG

Berdiana binti Haji Berahim  
Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan &  
Pembangunan PPANS

### PENOLONG KETUA PENGARANG

Wan Nurul Izzatie binti Wan Ibrahim  
Ketua Unit Perhubungan Awam dan Latihan,  
PPANS

### SIDANG PENGARANG

Norhayati binti Ismail  
Ketua-ketua Unit  
Ketua-ketua Zon

### PENGEDARAN

Salwati binti Mohd Salleh  
Unit Perhubungan Awam dan Latihan PPANS

### REKA BENTUK

Anas bin Jaafar  
Nine Over Ten Dot Biz

### JURUFOTO

Unit Media PPANS

### PENERBITAN

Unit Perhubungan Awam  
Perbadanan Perpustakaan Awam  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel : 06-763 5989/06-762 1308  
Faks : 06-763 5944  
E-Mel : proppans2014@gmail.com  
Laman Sesawang: www.nslibrary.gov.my

\*\*\*\*\*

Sidang Pengarang Buletin PPANS amat mengalu-alukan pandangan, cadangan dan komenstar terhadap buletin ini. Pandangan dan cadangan dalam menambah baik buletin amat dihargai.

## MALAM CINTA RASUL

Negeri Sembilan Berselawat pada 8 Februari 2016 di Kompleks Belia dan Sukan Paroi dibanjiri oleh rakyat Negeri Sembilan, dan turut hadir sama YB Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan merangkap Pengerusi PPANS dan Pengarah PPANS, Puan Jamilah binti Haji, serta pegawai dan kakitangan PPANS mengimarahkan majlis ilmu dan menzahirkan rasa kecintaan serta kasih sayang kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir perkenan hadir di majlis ini. Baginda diiringi kedua-dua putera, Tunku Besar Seri Menanti, YAM Tunku Ali Rethaudin ibni Tuanku Muhriz dan YAM Tunku Zain Al'Abidin ibni Tuanku Muhriz.

Kehadiran keluarga Diraja disambut Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan dan juga isterinya, YM Raja Datin Seri Hajah Salbiah Tengku Nujumudin.

Tazkirah bersempena Negeri Sembilan Berselawat disampaikan oleh Habib Najmudin Othman Al-Khered.

Hadir sama, Tunku Besar Tampin, YTM Tunku Syed Razman Tunku Syed Idrus Al-Qadri, Speaker Dewan Undangan Negeri, Dato' Dr. Awaluddin Haji Said, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Haji Mat Ali Haji Hasan.



## DARJAH DATO' PADUKA NEGERI SEMBILAN – TAHNIAH YB. DATO' ABD. RAZAK BIN AB. SAID



## PEGAWAI DAN KAKITANGAN PPANS DI PERHIMPUNAN SUKNS BILANGAN 1 TAHUN 2016

Kerajaan Negeri Sembilan di bawah pentadbiran Pejabat SUKNS telah mengadakan Perhimpunan Warga Kerja SUKNS pada 5 Januari 2016, di Perkarangan Dewan Undangan Negeri Seremban. Puan Jamilah binti Haji Katis, Pengarah PPANS dan kakitangan PPANS turut sama dalam perhimpunan ini untuk mendengar amanat YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan.



Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan mengucapkan tahniah kepada YB. Dato' Abd. Razak bin Ab. Said, Pengurus Jawatankuasa Bertindak Kebudayaan dan Adat Istiadat Melayu diatas penganugerahan Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan (D.P.N.S) yang membawa gelaran Dato' pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Sempena Hari Keputeraan ke-68 DYMM Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Tunku Munawir.

Semoga YB Dato' sentiasa dirahmati Allah dan terus Berjaya dalam bidang yang diceburi.



## EKSPLORASI MENEROKAI GUA PELANGI

Lawatan Kerja YB Dato' Abd. Razak bin Ab. Said, EXCO Jawatankuasa Bertindak Kebudayaan & Adat Istiadat Melayu ke Gua Pelangi, Felda Pasoh 4, Jelebu pada 21 Januari 2016.



## BENGKEL KEWANGAN PPANS WARGA KERJA KOMPETEN

Bengkel Kewangan PPANS telah diadakan pada 4 Februari 2016 di Bilik Seminar UMNO yang telah dihadiri seramai 37 orang pegawai dan kakitangan PPANS. Seminar ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi kerja selaras dengan halatuju PPANS. Kursus ini dikendalikan oleh En Kamaruddin, Pn. Dalila dan En Azmi dari Jabatan Audit Dalam SUKNS dengan kerjasama Unit Latihan, PPANS.



## PUSPANITA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Negeri Sembilan Kali Ke 33 telah diadakan pada 4 Februari 2016 di Dewan Theatrette, Wisma Negeri dan majlis perasmianya telah disempurnakan oleh YM Raja Datin Seri Hjh Salbiah bt. Tengku Nujumudin Isteri YAB Menteri Besar Negeri Sembilan. Turut hadir sama YB. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan Puan Jamilah binti Haji Katis, Pengarah Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.




## YASSIN & DOA SELAMAT


Majlis Bacaan Yassin & Doa Selamat YAM Tunku Alif Husain Saifudin Al-Amin Ibni Tuanku Muhriz, anakanda DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan anjuran PEKERTI NS dan NSWO pada 13 Januari 2016.




# BUKU TERKINI DI PPANS



Judul : Stres? Islam ada penawar  
 Pengarang : Mohammad Zaini Yahaya.  
 No. Panggilan: 155.9042088297 MZY  
 Bahagian : Pinjaman (Dewasa)  
 Harga : 15.00  
 Penerbit : Telaga Biru  
 M/S : 132ms



Judul : Indahnya pemakanan & perubatan Islam  
 Pengarang : Fazly Rahim  
 No. Panggilan: R 613.2088297 FAS  
 Bahagian : Rujukan (Dewasa)  
 Penerbit : Telaga Biru  
 Harga : 70.00  
 M/S : 378ms



Judul : Zero hutang: Bukan mudah tapi tak mustahil  
 Pengarang : Mohd Zulkifli Shafie,  
 No. Panggilan: 332.02402 MZS  
 Bahagian : Pinjaman (Dewasa)  
 Harga : 15.00  
 Penerbit : Galeri Ilmu  
 M/S : 172ms




Judul : Isteriku sleeping ugly  
 Pengarang : Daisy Dania  
 No. Panggilan: MF DAI  
 Bahagian : Pinjaman (Dewasa)  
 Harga : 27.00  
 Penerbit : Alaf 21  
 M/S : 620ms.



Judul : Cross stitch : Jahitan silang alas meja  
 Pengarang : Maria Diaz  
 No. Panggilan: 746.443 DIA  
 Bahagian : Pinjaman (Dewasa)  
 Harga : 15.90  
 Penerbit : QAFF Publications  
 M/S : 11ms

## ULASAN BUKU

Judul : BAD : Bertanya Allah Dahulu  
 Pengarang: Insyirah A  
 Harga : RM 27.00  
 Penerbit : Jootawan Grup Sdn. Bhd.  
 M/S : 220ms



### Sinopsis:

Teknik BAD hanyalah sekadar sesi dialog dengan Allah. Antara hamba dan Pencipta. Seperti kita berbual dengan manusia. Namun, sesi dialog ini adalah lebih premium dan eksklusif antara hamba dan Pencipta.

Ada beza antara monolog (bercakap dengan diri sendiri) dan bercakap dengan Allah. Ketika kita marah, andai saat itu kita bercakap dengan Allah, insya-Allah kita akan rasa lebih tenang.

Berbeza dengan monolog, bercakap dengan diri sendiri. Yang seterusnya berkemungkinan besar diperdaya oleh syaitan, untuk terus-menerus mengeluarkan kemarahan itu seperti baling barang dan sebagainya.

Adakah kita perlu menjadi seorang kanak-kanak (walaupun kita ini adalah orang tua) apabila berdialog dengan Allah. Seperti ketika kita masih kecil. Adakah kita bercakap dengan Dia. Menjadikan Allah sebagai sahabat yang akrab untuk kita luahkan segalanya.

Cuma, kehadiran buku ini, hanya sebagai ulang kaji, bahawa aktiviti berdialog dengan Allah, telah lama kita tinggalkan. #KisahSuksesBAD, ia kelihatan seperti sesuatu yang baru orang tahu tentang berdialog dengan Allah.

"Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya." (Surah al-An'am 6: Ayat 60)

## DERMALAH BUKU UNTUK KEGUNAAN KOMUNITI

Sempena Kempen Derma Buku pihak PPANS telah menyediakan Kotak Derma Buku untuk orang ramai menderma buku kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Objektif kempen ini adalah menggalakkan seluruh penduduk dan masyarakat di Negeri Sembilan menyumbang buku bagi memupuk budaya membaca di kalangan masyarakat. Keprihatinan dan tanggungjawab masyarakat setempat dapat membantu perpustakaan mendapatkan bahan bacaan untuk golongan yang memerlukan.



## GLOSARI ADAT

### 1. ADAT PERKAHWINAN

Upacara atau pesta atau olek bagi merayakan perkahwinan. Terdapat beberapa jenis olek perkahwinan yang dijalankan oleh masyarakat Adat Perpatih iaitu (1) olek biasa atau olek paras lepan, (2) olek buapak atau olek paras lereng, (3) olek lembaga atau olek paras bukit dan (4) olek undang atau penghulu. Pemilihan jenis olek ini berdasarkan kedudukan dan kemam-puan keluarga yang hendak mengada-kannya.

### 2. ADAT TIANG

Perbuatan mengandaikan atau meng-anggap seseorang pegawai/ketua adat yang telah hilang tanpa berita untuk beberapa waktu sebagai telah meninggal dunia.

Perbilangan

Keputusan adat tiga perkara:

Pertama adat mensiang.

Kedua adat tiang,

Ketiga adat kitabullah.

## TAHUKAH ANDA?

### JENIS SISA KITAR SEMULA YANG PERLU DIASINGKAN MENGIKUT KUMPULAN

Sisa kitar semula yang diasingkan mestilah dibungkus rapi di dalam plastik/bekas yang sesuai dan diletakkan di tepi tong pada hari kutipan

#### 1 KERTAS

Digalakkkan guna plastik sampah warna biru



#### 2 PLASTIK

Digalakkkan guna plastik sampah warna putih



### KESILAPAN EJAAN

#### SALAH

Mengwujudkan  
Latarbelakang  
Mee  
Memperolehi  
Plan

#### BETUL

Mewujudkan  
Latar belakang  
Mi  
Memperoleh  
Pelan

### 3. BALAS (BALEH)

1. Pemulangan, pengembalian, memu-langkan;
2. Restitusi (restitution).

### 4. DAPAT PAGI SAMPAIKAN PAGI, DAPAT PETANG SAMPAIKAN PETANG

Orang semenda (suami) harus memberitahu orang tempat semenda (saudara lelaki isteri) segala perkara yang berlaku secepat mungkin atau tanpa berlengah-lengah melalui istilah adat berkampung.

### 5. DIBAWA PIKAT, DIBAWA LALAT

Salah satu daripada Undang-undang Dua Belas, bahagian Cemar. Didapati seseorang hilir-mudik pada suatu tempat tanpa diketahui maksudnya dengan jelas sehingga menimbulkan kecurigaan.

### KENAPA KITA PERLU MENGASINGKAN SISA PEPEJAL DI RUMAH

- Mengelakkan pembuangan bahan yang boleh dikitar semula
- Mengurangkan jumlah sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan
- Mengurangkan peruntukan wang negara untuk proses pelupusan sisa pepejal
- Merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) jika tidak mengasingkan sisa



### Ke Arah Negara Bersih, Indah dan Sejahtera


#### Bahan yang boleh dikitar semula

kertas sisa berbahaya  
plastik sisa elektronik  
kaca sisa pukal  
logam sisa kebun/taman

(Diletakkan di tepi tong)

#### Sisa baki

sisa makanan  
lampin pakai buang  
dan lain-lain  
(Dimasukkan dalam tong)




Selamat bertemu kembali adik-adik. Seronok nampaknya bersekolah. Ada kawan baharu, pakaian baharu, beg baharu, cikgu baharu dan semuanya baharu.

Grup Sayangi Perpustakaan juga telah ubahsuai modul dan aktiviti yang baharu pada 2016 dan kehadiran "Chot dan Sahabat" Boneka GSP juga mencuit hati adik-adik. Supaya adik-adik lebih seronok, lebih berinformasi dan memberi manfaat kepada pembelajaran.

Pada 8 Januari 2016, seramai 520 orang pelajar mengikut Grup Sayangi Perpustakaan dan kami berada di Sekolah Kebangsaan Ampangan Seremban dan pada 12 Januari 2016 di Sekolah Kebangsaan Kem Sirajuddin, Gemas.

Tahniah kepada adik-adik yang berjawab menjawab soalan dan memenangi hadiah daripada PPANS. Syabas dan terima kasih juga kepada pihak sekolah terutama kepada Guru Besar dan Guru Penyelaras Pusat Sumber kerana memberi ruang kepada anak-anak untuk mengetahui perpustakaan di Negeri Sembilan. ☺



## LUBUK ILMU @ PPANS



Zon Dewasa Perpustakaan Awam Negeri Sembilan PPANS terletak di Tingkat Satu dan di khaskan untuk Pengguna Belia dan Dewasa yg berumur 13 tahun keatas. Selain kemudahan buku yg boleh di pinjam, terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan dari pelbagai sudut seperti Hot Book, Ruang Siber Ilmu, Bilik Audio Visual, Bilik Koleksi Negeri Sembilan (KNS), Bilik Bacaan Khas dan juga Perkhidmatan Fotokopi.

# BERSAMA KOMUNITI

## PROGRAM MERAKYATKAN BUDAYA MEMBACA PERINGKAT DAERAH TAMPIN

Program Merakyatkan Budaya Membaca Peringkat Daerah Tampin , di Perpustakaan Desa Jelai 4 pada 28 Januari 2016 telah di rasmikan oleh YB Dato' Abd Razak bin Ab. Said Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan merangkap ADUN Kawasan Gemas. Turut hadir YBhg Tuan Haji Mohamed Roduan bin Ujang, Pegawai Daerah Tampin dan Puan Jamilah bte Haji Katis, Pengarah PPANS.



## SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KARIAH AIR HITAM JEMPOL

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kariah Air Hitam Jempol Tahun 1437H/2016M Anjuran Komuniti Setempat Bersama Perpustakaan Desa Air Hitam Jempol pada 16 Januari 2016 bertempat di Surau A-Irshad Taman Air Hitam Jempol.



## BAHASA DAN TOKOH NEGERI @ NEGERI SEMBILAN

Cuti hujung minggu dimanfaatkan oleh Perpustakaan Awam Port Dickson dengan mengadakan aktiviti Kenali Pembesar Negeri Sembilan dan Bahasa Istana Sempena Hari Keputeraan DYMM Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 23 Januari 2016 (Sabtu). Seramai 30 orang peserta dari pelbagai kategori telah menyertainya. Terima kasih semua!



# BERSAMA KOMUNITI



## SPELL IT RIGHT

Pada kali ini Perpustakaan Cawangan Port Dickson mengadakan aktiviti 'Spell It Right' bersama-sama dengan pelajar Sek. Ren. Agama Raudhatul Ulum iaitu seramai 30 org pelajar Tahap 1 dan 2 pada 29 Januari 2016. Adik-adik ini walaupun pandai dalam bidang agama mereka juga pintar mengeja dalam Bahasa Inggeris. Syabas kepada adik-adik semua.



## MEMPERKASAKAN MINDA

Pertandingan Kuiz Raja Kita Tahap 2 Sekolah Rendah Sempena Sambutan Hari Keputeraan DYMM Yang di-Pertuan Besar N.Sembilan di Perpustakaan Pekan Bahau pada 27 Januari 2016



## MASAKAN TRADISI NEGERI SEMBILAN

Program Kenali Negeri Kita Demonstrasikan Masakan Wajik Sirat Bersama Komuniti Setempat Sempena Sambutan Hari Keputeraan DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Anjuran Perpustakaan Desa Air Hitam Jempol pada 23 Januari 2016



# KENALI PERPUSTAKAAN ANDA

## PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN

Perpustakaan Negeri, Seremban terletak di Bangunan Wisma UMNO, Jalan Dato' Sheikh Ahmad, Seremban. Perpustakaan ini mempunyai 2 ruang utama kepada pengguna iaitu Zon Kanak-kanak di Tingkat Bawah dan Zon Dewasa di Tingkat 1. Antara perkhidmatan yang disediakan kepada pengguna ialah:

- Kaunter pertanyaan
- Pendaftaran keahlian perpustakaan
- Peminjaman dan pemulangan buku
- Perkhidmatan fotostat
- Perkhidmatan rujukan
- Koleksi Negeri Sembilan
- Khidmat nasihat
- Perkhidmatan Hipermedia (untuk kanak-kanak sahaja)
- Perkhidmatan Siber Ilmu (Internet)

### Waktu Pekhidmatan Perpustakaan Negeri

Dibuka setiap hari Selasa hingga Ahad  
9.00 pagi hingga 5.00 petang

Perkhidmatan ditutup pada setiap hari Isnin  
dan Cuti Umum

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut  
boleh hubungi:

Encik Zainudin bin Zailan  
Ketua Unit Pelanggan Zon Seremban

Tel. : 06-7635989 / 06-7621308  
Fax : 06-7635944  
Laman web : [www.nslibrary.gov.my](http://www.nslibrary.gov.my)  
E-mail : [ppans@ns.gov.my](mailto:ppans@ns.gov.my)



# PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT

## PERHIMPUNAN BULANAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2016



YAB Menteri Besar bersama Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan penjawat awam Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan di Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2016 di Perkarangan Dewan Undangan Negeri, Seremban.



## MAJLIS NEGERI SEMBILAN BERSELAWAT

YAB Menteri Besar bersama mengiringi DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan di Majlis Negeri Sembilan Berselawat bertempat di Kompleks Belia dan Sukan Paroi (KOMBES), Paroi pada 7 Januari 2016.



## MAJLIS ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT SEMPENA HARI KEPUTERAAN KE-68 DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN

14 Januari 2016 - YAB Menteri Besar di Majlis Istiadat Pengumianan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena Hari Keputeraan ke-68 DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan di Balairong Seri, Istana Besar Seri Menanti.



## MAJLIS MEMPERKENALKAN PASUKAN LIGA PREMIER DAN PIALA PRESIDEN NEGERI SEMBILAN BAGI MUSIM 2016

YAB Menteri Besar memperkenalkan pemain pasukan Liga Premier dan pemain pasukan Piala Presiden Negeri Sembilan bagi musim 2016 di Klana Resort, Seremban pada 12 Januari 2016.



# PEMIMPIN BEBSAMA RAKYAT

## MAJLIS PENYAMPAIAN KERUSI RODA KEPADA KLINIK KESIHATAN RANTAU DAN KLINIK KESIHATAN SENDAYAN

YAB Menteri Besar telah menyempurnakan majlis penyampaian kerusi roda kepada Klinik Kesihatan Rantau dan Klinik Kesihatan Sendayan, disumbangkan oleh Majlis Perbandaran Nilai pada 201 Januari 2016



## MAJLIS PENYERAHAN SURATAN HAKMILIK

YAB Menteri Besar menyerahkan Suratan Hakmilik kepada seramai 257 pasangan peneroka Felda Palong 14, 15 dan 16 Wilayah Raja Alias, Jempol di Dewan Semai Bakti Felda Palong.



## KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA SEMPENA TAHUN BARU CINA 2016 DI PLAZA TOL SETUL (ARAH SELATAN)

YAB Menteri Besar merasmikan Sistem Perlampuan Jalan Jenis Cekap Tenaga & Teknologi Hijau (LED) di Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS) sepanjang 24.875km bernilai RM16 juta dan melepaskan konvoi Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Tahun Baru Cina 2016 di Plaza Tol Setul (Arah Selatan) pada 1 Februari 2016.



## MAJLIS MENGHAFAZ DAN TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2016M / 1437H

YAB Menteri Besar menghadiri dan Mengiringi DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan di Majlis Menghafaz dan Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2016M / 1437H di Pusat Dakwah Islamiah Negeri Sembilan.

